

NO. SOALAN : 45

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK HAJI NASRUN BIN DATU MANSUR
[SILAM]**

TARIKH : 29 OKTOBER 2015

RUJUKAN : 8235

SOALAN:

Datuk Haji Datu Nasrun bin Datu Mansur [Silam] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan melalui Ordinan Kelahiran dan Kematian 1951 (Chap.123) adakah Kementerian bercadang untuk mengubah mekanisme sedia ada terhadap kes kes daftar lewat yang terpaksa melalui prosedur Mahkamah Majistret bagi permohonan kad pengenalan.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Adalah dimaklumkan bahawa setiap kelahiran yang berlaku di Malaysia hendaklah didaftarkan di Jabatan Pendaftaran Negara (JPN). Dalam hal ini, JPN mendaftarkan kelahiran kanak-kanak di Malaysia di bawah undang-undang berikut:-

- i. Ordinan Pendaftaran Kelahiran dan Kematian Bab 123 (No. 11 Tahun 1948) bagi Negeri Sabah;**
- ii. Ordinan Pendaftaran Kelahiran dan Kematian Bab 10 (No. 6 Tahun 1951) bagi Negeri Sarawak; dan**
- iii. Akta Pendaftaran Kelahiran dan Kematian 1957 (Akta 299) bagi Semenanjung Malaysia.**

Oleh itu, mana-mana kelahiran yang didaftarkan di JPN selepas 42 hari daripada hari kanak-kanak tersebut dilahirkan akan dikategorikan sebagai Pendaftaran Lewat Kelahiran dan seterusnya Sijil Daftar Lewat Kelahiran akan dikeluarkan kepada kanak-kanak yang layak.

Bagi pendaftaran lewat kelahiran di negeri Sabah pula, Seksyen 22(3) Ordinan Pendaftaran Kelahiran dan Kematian Bab 123 (No. 11 Tahun

1948) memperuntukkan keperluan untuk mendapatkan pengesahan daripada Majistret Kelas Pertama yang berada di bawah bidang kuasa Mahkamah Majistret bagi kes-kes pendaftaran lewat kelahiran. Peruntukan ini menyebut:-

“Every copy of such entry shall have printed on it conspicuously the words “LATE REGISTRATION” and no copy so marked shall be receivable in evidence, as prescribed in section 31, unless the truth of the facts therein entered shall have been found by a court of a magistrate of the first class in the proceeding instituted before it under this section and such court has certified its finding in the register..”

Dalam hal ini, kanak-kanak yang telah dikeluarkan Sijil Kelahiran Pendaftaran Lewat bertaraf Warganegara hanya akan dapat dikeluarkan Kad Pengenalan MyKAD setelah memperolehi pengesahan Majistret Kelas Pertama. Oleh itu, mengambil kira perbezaan pendekatan pendaftaran lewat kelahiran di negeri Sabah dengan negeri-negeri di Semenanjung Malaysia dan negeri Sarawak, Kementerian ini menyambut baik cadangan untuk meneliti dan mengkaji peruntukan undang-undang yang menghendaki pengesahan oleh Majistret Kelas Pertama ini. Ini adalah kerana, pendaftaran lewat kelahiran di Sarawak dan Semenanjung Malaysia tidak perlu mendapatkan pengesahan seumpamanya.

Walau bagaimanapun, bagi memudahkan akses orang awam kepada perkhidmatan untuk mendapatkan pengesahan ini, JPN turut menjemput pihak Mahkamah Majistret Negeri Sabah dalam program-program *outreach* yang diadakan oleh JPN di kawasan-kawasan pedalaman negeri Sabah dan penyertaan ini juga telah membantu mempercepatkan proses untuk mendapatkan pengesahan Majistret Kelas Pertama.